

Naib Canselor Terima Anugerah di Rome, Itali



Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menerima Anugerah *New Era Technology, Innovation & Quality* daripada Otherways Association, Management and Consulting di Rome, Itali. Pengerusi Eksekutif Otherways Research and Consultant, Mr. Charbel S. Tabet telah menyampaikan trofi penghargaan tersebut kepada Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin yang mewakili UniMAP. Penghargaan ini adalah atas kejayaan UniMAP memartabatkan bidang kejuruteraan, teknologi serta inovasi di peringkat dunia. Anugerah bertaraf antarabangsa ini merupakan yang ketiga buat UniMAP pada tahun ini.

Dalam rangka kerja lawatan ke Rome, Naib Canselor turut mengadakan perbincangan dengan syarikat Didactic Sdn. Bhd. dan menandatangani Surat Niat Kerjasama (LoI). Kerjasama yang bakal terjalin akan memperlihatkan perkembangan serta pemindahan teknologi dalam bidang pertanian serta tenaga asli. Perjanjian ini juga merupakan susulan daripada perbincangan bagi pemindahan teknologi yang telah diadakan di Milan sebelum ini.